

## **Self-Favorability Bias (Part 2)**

Azizi Hj Yahaya

### **2.0 DEFINISI LAPORAN KENDIRI DAN LIMITASINYA**

Menurut Burns (1979), laporan kendiri merupakan satu set maklumbalas yang mengandungi pendedahan tentang diri subjek dan konsep kendiri yang dibuat dengan kerelaan hatinya. Inventori laporan kendiri pula ialah satu set soal selidik yang bertujuan untuk menghasilkan satu gambaran tentang trait personaliti individu.

Walau bagaimanapun, Combs, Soper dan Courson (1963) memberi pandangan yang berbeza dengan menyatakan bahawa kebanyakan kajian yang bertujuan untuk mengukur konsep kendiri sebenarnya bukanlah kajian tentang konsep kendiri tetapi kajian tentang laporan kendiri. Combs dan Soper (1957) pula telah menyatakan perbezaan antara konsep kendiri dan laporan kendiri. Menurut mereka, konsep kendiri ialah bagaimana individu melihat diri sendiri manakala laporan kendiri ialah apa yang seseorang individu rela berkongsi pendapat mengenai dirinya dengan orang lain. Sejauh mana seseorang individu itu rela untuk berkongsi bergantung kepada faktor-faktor seperti kesedarannya terhadap apa yang diketahui tentang dirinya sendiri, simbol yang tepat untuk menyatakan perasaan, kerelaan individu untuk berkerjasama, jangkaan sosial dan perasaan bebas daripada ancaman.

Cattel (1946) pula telah menyenaraikan beberapa faktor kelemahan laporan kendiri. Antaranya ialah kekurangan pengetahuan tentang diri sendiri. Menurut beliau lagi, ini bergantung kepada kejelasan subjek terhadap kesedaran diri kerana sesetengah aspek konsep kendiri adalah jelas manakala sesetengah lagi sukar disedari. Sama ada ia akan dilaporkan atau tidak bergantung kepada apa yang boleh diterangkan semasa membuat laporan kendiri itu. Selain daripada itu, memang terdapat aspek konsep kendiri yang wujud pada tahap kesedaran yang paling minima dalam hidup manusia, sesuatu yang kabur dan separa terlindung disebabkan kejahanan diri. Darjah kesedaran diri juga boleh dikaitkan dengan tahap pendidikan dan kecerdasan (Vernon, 1963).

Tahap kesedaran konsep kendiri juga boleh dikaitkan dengan model komunikasi dan maklumbalas “Tingkap Johari” tentang bagaimana manusia menerima dan memberi informasi tentang diri kita dan orang lain.

	Anda Tahu	Anda Tidak Tahu
Orang Lain Tahu	Arena Keterbukaan	Titik Hitam
Orang Lain Tidak Tahu	Kawasan Tersembunyi	Yang Tidak Diketahui

Di dalam laporan kendiri, arena keterbukaan merupakan bahagian yang akan dikongsi dan diberi dengan rela hati oleh subjek kajian. Segala informasi yang diketahui tentang dirinya dan orang yang mengenali individu tersebut merupakan maklumbalas yang bebas dan terbuka kepada orang lain. Walau bagaimanapun, ada maklumat yang diketahui oleh orang lain tetapi tidak diketahui oleh diri seseorang individu itu sendiri. Ia disedari oleh orang lain melalui gaya

bahasa tubuh, intonasi suara, kebiasaan dan perlakuan harian. Informasi ini membantu apabila pengkaji memerlukan maklumbalas dari orang lain mengenai subjek kajian.

Kawasan tersembunyi pada jendela tingkap Johari pula merupakan bahagian yang ingin disembunyikan oleh individu, menjadi rahsia diri dan tidak akan dikongsi dalam laporan kendiri. Pada tahap ini, ada kemungkinan maklumbalas bagi soalan-soalan dalam laporan kendiri cuba diherot atau diselewengkan untuk menutup rahsia ini. Bahagian yang seterusnya ialah “unknown area” atau bahagian yang tidak diketahui sama ada oleh individu itu sendiri atau orang lain. Ia termasuklah potensi yang terpendam dan ingatan yang tidak dapat difahami, diterjemah serta tidak disedari seperti ingatan semasa kanak-kanak. Jika dikaitkan dengan pendapat Cattel (1946), bahagian ini merupakan apa yang dikatakan sebagai “veiled penumbra of self ignorance” atau kawasan separa terlindung. Jika dikaitkan dengan Freud pula, “unknown area” ini adalah alam tidak sedar atau “unconscious mind”.

Faktor kedua mengenai kebergantungan atau kelemahan laporan kendiri ialah rentetan daripada faktor pertama yang berkait dengan masalah tahap kesedaran individu tentang konsep kendirinya (Combs and Soper, 1957). Gambaran kendiri hanya boleh dilaporkan melalui perkataan. Dalam kes-kes tertentu, perkataan pula mungkin tidak tepat untuk menggambarkan kepelbagaiannya tingkah laku manusia. Begitu juga individu mungkin mempunyai tahap perbendaharaan kata yang minima dan tidak berkualiti untuk menggambarkan konsep kendirinya. Perkara ini terjadi khasnya jika laporan kendiri yang dijalankan adalah dari jenis tidak berstruktur atau kaedah respons bebas. Dalam memberi maklumbalas bagi laporan kendiri jenis senarai semak atau soal selidik berskala seperti skala Likert pula, subjek kajian mungkin tidak memahami soalan atau mungkin interpretasi subjek tentang sesuatu perkataan berbeza dari apa yang dimaksudkan oleh pengkaji atau subjek-subjek yang lain.

Faktor seterusnya ialah jangkaan sosial dimana dalam sesetengah budaya, terdapat beberapa perkara yang memerlukan individu merahsiakan kepercayaannya yang sebenar. Ini kerana jangkaan masyarakat sebenarnya memberi kesan terhadap maklumbalas seseorang individu tentang dirinya (Burns, 1979). Ini amat berkait dengan “sosial desirability” atau “keinginan sosial” iaitu kecenderungan subjek mengatribusikan dirinya dengan trait atau ciri-ciri yang boleh diterima dan diingini oleh masyarakatnya. Contohnya pernyataan “Saya seorang yang taat beragama” mungkin merupakan jangkaan sosial yang diingini manakala “Saya akan marah apabila keinginan saya tidak dipenuhi” mungkin akan disifatkan sesuatu yang tidak memenuhi jangkaan sosial bagi sesetengah masyarakat.

Faktor yang keempat, ketepatan laporan kendiri amat bergantung kepada kerjasama dan motivasi subjek. Jika seseorang individu itu ingin menipu dan tidak mahu memberi kerjasama, dia boleh berbuat demikian tanpa mendedahkan identitinya. Kebebasan dari ancaman akan mengurangkan keperluan untuk mempertahankan diri dan mengurangkan keinginan untuk melakukan mekanisme helah bela dalam usaha untuk menghindarkan maklumbalas tentang diri.

Faktor-faktor limitasi dan kelemahan dalam laporan kendiri ini perlu dijelaskan kerana ia mempunyai kaitan dengan “self-favourability biases” dalam laporan kendiri.

CONTINUE...